BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 03/04/41 (BN)

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1800 pada hari Jumaat, 26 Mac 2004

SIARAN AKHBAR

Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2003

Ekonomi Malaysia Tahun 2003

Ekonomi Malaysia meningkat sebanyak 5.2% pada tahun 2003 dengan pertumbuhan melebihi unjuran awal. Pertumbuhan ekonomi adalah menyeluruh dan seimbang meliputi kesemua sektor, didorong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh dan diperkuatkan oleh prestasi eksport yang lebih mantap. Kesan daripada kemunculan wabak sindrom pernafasan akut yang teruk (SARS) dan kebimbangan tentang perkembangan geopolitik yang menjejaskan pertumbuhan pada separuh tahun pertama telah diatasi hasil daripada gabungan antara asas ekonomi yang kukuh, dasar monetari dan fiskal yang menyokong pertumbuhan dan pakej rangsangan ekonomi yang saling memperkukuh. Pertumbuhan ekonomi menjadi lebih pesat pada separuh tahun kedua.

KDNK Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi (perubahan tahunan %)

	2002	2003*a*	2004*r*
KDNK Benar	4.1	5.2	6.0 ~ 6.5
(RM bilion)	219.3	230.7	244.6
Pertanian	3.0	5.5	2.6
Perlombongan	3.7	4.8	5.5
Perkilangan	4.0	8.2	10.2
Pembinaan	2.3	1.9	1.5
Perkhidmatan	4.1	4.1	5.2

a Awalan
r Ramalan

Semua sektor dalam ekonomi mengembang pada tahun 2003, hasil daripada keadaan permintaan dalam dan luar negeri yang kukuh. Sektor perkilangan meningkat dengan pesat berikutan pemulihan ekonomi global yang menyeluruh dan permintaan dalam negeri yang bertambah kukuh. Meskipun terdapat penularan wabak SARS pada separuh tahun pertama, sektor perkhidmatan pulih dengan pantas pada separuh tahun kedua disebabkan oleh permintaan dalam negeri yang lebih kukuh, setelah kebimbangan mengenai SARS reda berikutan kejayaan membendungnya di peringkat global serta pengenalan Pakej Rangsangan Kerajaan yang tepat pada masanya bagi membantu industri yang terjejas dan meningkatkan keyakinan pengguna. Peningkatan aktiviti yang berkaitan dengan perdagangan juga memastikan pertumbuhan sektor perkhidmatan kekal berdaya tahan.

Sektor pertanian mencatat pertumbuhan yang paling kukuh semenjak 11 tahun, didorong terutamanya oleh pengeluaran dan harga yang lebih tinggi, khususnya minyak sawit mentah dan getah. Prestasi sektor pertanian yang lebih kukuh pada tahun 2003 menjana kesan limpahan yang ketara, terutamanya kepada penduduk luar bandar. Memandangkan sektor pertanian menyediakan pekerjaan kepada kira-kira 14% daripada jumlah tenaga kerja di Malaysia dan sebahagian besar daripada mereka adalah pekebun kecil, pendapatan yang lebih tinggi membantu menyokong peningkatan penggunaan di kalangan masyarakat luar bandar.

Sektor perlombongan mengembang dalam keadaan permintaan dalam dan luar negeri yang kukuh serta peningkatan kapasiti pengeluaran daripada medan minyak dan gas yang baru. Sementara itu, pertumbuhan dalam sektor pembinaan adalah lebih sederhana disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan subsektor kejuruteraan awam yang perlahan berikutan siapnya beberapa projek yang diswastakan.



Pada tahun 2003, pertumbuhan KDNK diterajui oleh sektor swasta. Perbelanjaan swasta menyumbang 2.5 mata peratusan daripada kadar pertumbuhan sebanyak 5.2%. Sektor isi rumah dan korporat mendapat faedah daripada peningkatan pendapatan boleh guna, terma perdagangan yang bertambah baik dan permintaan luar negeri yang semakin kukuh. Hasil daripada pendapatan boleh guna yang lebih tinggi, terutamanya isi rumah, penggunaan sektor swasta meningkat 5.1%. Di samping itu, kadar faedah yang rendah berserta kadar tabungan yang tinggi mendorong sektor isi rumah meningkatkan pinjaman mereka bagi perbelanjaan penggunaan. Langkah-langkah yang dilaksanakan di bawah Pakej Ekonomi pada bulan Mei meningkatkan keyakinan pengguna, seterusnya menyokong perbelanjaan penggunaan.

Satu perkembangan yang nyata pada tahun 2003 adalah pemulihan pelaburan swasta dengan peningkatan sebanyak 1.1% selepas mengalami penguncupan selama dua tahun. Prospek ekonomi yang lebih baik, terutamanya pada separuh tahun kedua, kedudukan kewangan korporat dan aliran tunai yang lebih kukuh serta penggunaan kapasiti yang tinggi, khususnya dalam sektor perkilangan menggalakkan perbelanjaan modal yang lebih tinggi. Di samping itu, keadaan kadar faedah yang rendah dan langkah-langkah untuk meningkatkan akses pembiayaan syarikat, khususnya perusahaan kecil dan sederhana (PKS) turut mendorong pengembangan modal.

Sektor awam terus memainkan peranan penting dalam mengekalkan permintaan dalam negeri, terutamanya pada separuh tahun pertama. Penggunaan awam benar meningkat 7.9% disebabkan oleh perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi. Sebaliknya, pertumbuhan pelaburan awam benar meningkat dengan sederhana kepada 3.6%, selaras dengan peningkatan perbelanjaan pembangunan Kerajaan dan perbelanjaan modal perusahan awam bukan kewangan yang lebih rendah.

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (perubahan tahunan %)

	2002	2003*a*	2004*r*
Permintaan Agregat Benar	4.2	4.8	5.0
Perbelanjaan sektor swasta[1]	0.7	4.3	8.7
Penggunaan	4.4	5.1	8.1
Pelaburan	-13.1	1.1	11.5
Perbelanjaan sektor awam[1]	10.8	5.5	-1.3
Penggunaan	12.2	7.9	4.2
Pelaburan	9.8	3.6	-5.7

[1] Tidak termasuk stok

Asas ekonomi Malaysia terus kukuh pada tahun 2003 dengan tekanan inflasi kekal rendah dalam keadaan pengangguran yang rendah, kedudukan luaran yang kekal memberangsang serta rizab antarabangsa yang semakin bertambah. Di samping itu, hutang luar negeri masih terkawal dan berada pada tahap yang berhemat dengan sebahagian besar daripada hutang tersebut mempunyai kematangan bagi jangka masa yang lebih panjang.

Inflasi dan Pengangguran (%)

	2002	2003*a*
Inflasi		
IHP (2000=100)	1.8	1.2
IHP Teras[1]	0.5	0.6
Pengangguran	3.5	3.5

a Awalan

[1] Tidak termasuk harga barang kawalan, harga barangan yang tidak menentu serta harga barangan yang tertakluk kepada pelarasan.

Secara keseluruhan, kadar inflasi seperti yang diukur oleh pertumbuhan tahunan Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat dengan sederhana kepada 1.2% pada 2003. Meskipun permintaan dalam negeri semakin kukuh, tekanan harga dapat dibendung berikutan kapasiti berlebihan dalam sesetengah sektor dan ketiadaan tekanan ke atas kos upah dalam suasana produktiviti pekerja yang semakin baik. Keadaan pasaran pekerja dalam negeri terus stabil dan kukuh pada 2003, dengan kadar pengangguran kekal rendah sebanyak 3.5% dan hampir pada tahap guna tenaga penuh.

Pada tahun 2003, sumbangan sektor luaran kepada pertumbuhan ekonomi bertukar positif (2 mata peratusan; 2002: -1.3 mata peratusan), disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan pesat eksport barangan dalam akaun dagangan sebanyak 11.5% (2002: 7%). Lebihan perdagangan meningkat kepada RM81.1 bilion (2002: RM54.6 bilion) disebabkan oleh pertumbuhan eksport barangan perkilangan yang lebih mantap dan pengembangan yang memberangsang bagi eksport komoditi.

Sebaliknya, pertumbuhan import meningkat dengan sederhana kepada 4.8% (2002: 8.1%) kerana eksport komoditi utama mempunyai kandungan import yang rendah. Di samping itu, pola pelaburan terutamanya pelaburan langsung asing (FDI) yang berubah-ubah ke dalam sektor perkhidmatan adalah dalam jumlah yang lebih kecil tetapi berpotensi lebih besar untuk menjana nilai ditambah. Hasilnya, import barangan modal secara relatifnya kekal stabil (0.7%).

Lebihan perdagangan yang besar berserta defisit akaun pendapatan yang lebih kecil adalah ekoran penghantaran balik perolehan hasil daripada pelaburan syarikat Malaysia di luar negara. Ini lebih daripada mengimbangi defisit akaun perkhidmatan (-RM15 bilion) yang lebih besar disebabkan oleh perolehan pelancongan yang lebih rendah akibat penularan wabak SARS. Oleh itu, lebihan akaun semasa meningkat kepada RM50.8 bilion, bersamaan dengan 13.7% daripada keluaran negara kasar (KNK) (2002: 9.1% daripada KNK).

Akaun kewangan dalam imbangan pembayaran kekal stabil dengan mencatat defisit sebanyak RM12.1 bilion (2002: -RM11.9 bilion). Aliran masuk dana pelaburan yang lebih tinggi diimbangi oleh bayaran balik dan prabayaran hutang luar negeri oleh sektor awam serta pelaburan luar negeri oleh syarikat Malaysia. Aliran masuk FDI kekal tinggi sementara dana pelaburan portfolio bertukar positif berikutan prestasi Bursa Saham Kuala Lumpur yang meningkat dengan ketara, terutamanya sejak suku ketiga tahun 2003.

Sejajar dengan kedudukan luaran 2003 yang lebih mantap, rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia meningkat sebanyak RM39.1 bilion, atau AS$10.3 bilion, ke tahap tertinggi, iaitu RM170.5 bilion atau AS$44.9 bilion pada akhir tahun 2003. Rizab terus meningkat kepada RM194.9 bilion atau AS$51.3 bilion pada 15 Mac 2004; cukup untuk membiayai selama 7.8 bulan import tertangguh atau sebanyak 5.2 kali hutang luar negeri jangka pendek. Di samping itu, kedudukan hutang luar negeri Malaysia pada 2003 kekal stabil dan berada pada tahap terkawal, iaitu berjumlah RM187.2 bilion atau 50.7% daripada KNK (2002: RM185.6 bilion atau 55.3% daripada

KNK). Kedudukan hutang luar negeri Malaysia kekal mapan, dengan nisbah khidmat hutang bertambah baik daripada 6.7% pada tahun 2002 kepada 6.1% pada tahun 2003. Profil hutang negara juga kekal kukuh dengan hutang jangka pendek hanya mencakupi 18.4% daripada keseluruhan hutang luar negeri.



Pengurusan Makroekonomi Tahun 2003

Dasar makroekonomi pada tahun 2003 tertumpu pada pengurangan kesan ketidaktentuan yang berpunca daripada perkembangan politik global dan SARS, serta pengukuhan asas ekonomi jangka panjang. Langkah-langkah awalan monetari dan fiskal oleh Kerajaan membantu menyokong dan mengemudi ekonomi bagi menghadapi suasana yang mencabar dan menyediakan suasana yang sesuai kepada sektor swasta untuk menjana pertumbuhan ekonomi. Dalam jangka panjang, rangka kerja strategik yang menyeluruh juga dirangka untuk menghadapi cabaran baru dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi.

Ekonomi Malaysia memasuki tahun 2003 dalam kedudukan yang kukuh. Aktiviti sektor swasta memperlihatkan trend yang meningkat. Harga komoditi yang kekal tinggi memberi kesan pengganda positif yang ketara kepada pendapatan penduduk luar bandar. Ini diperkukuhkan dengan dasar monetari dan fiskal yang terus menyokong

pertumbuhan yang berterusan tanpa meningkatkan risiko dalam keadaan prospek inflasi yang rendah, kedudukan luaran yang kukuh dan kedudukan kewangan Kerajaan yang mapan. Dengan asas ekonomi yang kukuh ini, ekonomi negara dijangka mempunyai daya tahan untuk menghadapi kesan ketidakpastian yang boleh menjejaskan prospek pertumbuhan. Oleh sebab itu, dasar makroekonomi negara dikekalkan pada awal tahun 2003.

Namun begitu, pada suku tahun kedua, penularan wabak SARS dan keadaan ekonomi global yang lebih lembap daripada jangkaan mendorong pelaksanaan beberapa langkah. Penunjuk ekonomi dan kewangan pada separuh tahun pertama menunjukkan pemulihan ekonomi global adalah lebih perlahan daripada jangkaan, dengan pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat masih berada jauh di bawah paras trend disebabkan terutamanya oleh aktiviti pelaburan yang perlahan. Kebimbangan terhadap deflasi dan ketidaktentuan pasaran kewangan yang berterusan menimbulkan keraguan tentang kekukuhan aktiviti ekonomi global. Kesan daripada perkembangan ini, langkah-langkah awal telah diambil bagi membendung kesannya ke atas pertumbuhan ekonomi. Pada 21 Mei, Bank Negara Malaysia menurunkan kadar faedah dasarnya, iaitu kadar campur tangan 3 bulan, sebanyak 50 mata asas kepada 4.5%. Langkah ini bertujuan mengurangkan kesan suasana luaran yang lebih terjejas ke atas permintaan dalam negeri. Pakej rangsangan dan bantuan ekonomi yang komprehensif



juga diumumkan oleh Kerajaan, yang merangkumi langkah-langkah fiskal dan kewangan, yang bertujuan menyediakan bantuan segera kepada sektor yang terjejas, mempelbagaikan aktiviti ekonomi dan meningkatkan daya saing dalam jangka panjang.

Dengan perbelanjaan tambahan, dan hasil melepas kesan daripada langkah-langkah bantuan yang dilaksanakan, defisit keseluruhan Kerajaan Persekutuan disemak semula daripada anggaran 4% kepada 5.3% daripada KDNK. Walau bagaimanapun, defisit yang lebih besar tidak memberi tekanan kepada harga pengguna dalam negeri dan kadar faedah kerana kadar tabungan yang tinggi dan mudah tunai berlebihan dalam sistem kewangan membolehkan sejumlah besar defisit dibiayai daripada sumber dalam negeri yang tidak memberi tekanan kepada inflasi. Meskipun defisit ini mengakibatkan hutang Kerajaan Persekutuan meningkat (48.2% daripada KDNK pada akhir tahun 2003), tetapi ia masih pada tahap terkawal. Perbelanjaan khidmat hutang kekal rendah (14% daripada perbelanjaan mengurus). Di samping itu, hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan menurun kepada 9.5% daripada KDNK, seterusnya mengurangkan pendedahan kepada risiko-risiko luaran.

Dalam suasana kadar faedah yang rendah, permintaan pinjaman yang memberangsang dicerminkan oleh permintaan yang lebih tinggi daripada sektor isi rumah dan perniagaan, khususnya PKS. Oleh itu, pembiayaan yang disalurkan oleh sistem perbankan melalui pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta meningkat sebanyak 5.9%. Permintaan pinjaman semakin meningkat pada akhir tahun berikutan keadaan ekonomi global yang beransur-ansur pulih, lantas mengukuhkan momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia. Khususnya, pembiayaan kepada PKS bertambah kukuh dengan sebahagian besar pinjaman baru disalurkan ke segmen tersebut. Pada tahun 2003, kira-kira 75,000 PKS memperoleh kemudahan kredit baru yang berjumlah RM25.7 bilion, merangkumi satu pertiga daripada jumlah kelulusan kepada sektor perniagaan. Pada akhir tahun 2003, pinjaman kepada PKS meningkat sebanyak 10% dan mencakupi 38.4% daripada jumlah pinjaman terkumpul syarikat perniagaan.

Penunjuk Pinjaman Sistem Perbankan[1]

	2002	2003	Pertumbuhan tahunan (%)
	Pada tahun (RM bilion)		
Permohonan pinjaman	217.2	227.6	4.8
Kelulusan pinjaman	137.6	152.7	11.0
Pengeluaran pinjaman	411.6	441.7	7.3
Pembayaran balik pinjaman	402.7	430.5	6.9
Perubahan jumlah pinjaman	19.8	21.8	4.8

[1] Termasuk bank-bank Islam.
[2] Pertumbuhan tahunan adalah untuk pinjaman terkumpul pada akhir tempoh.

Dalam suasana pasaran kewangan yang semakin tidak menentu, penetapan nilai ringgit terus memberi manfaat kepada ekonomi dengan menyediakan suasana yang stabil dan jelas untuk memudahkan aktiviti perdagangan dan pelaburan. Ringgit kekal hampir kepada nilai yang berpatutan, berikutan ketiadaan tekanan yang boleh menjejaskan ekonomi.

Prestasi Sistem Perbankan

Sistem perbankan terus berdaya tahan dan bermodal tinggi pada tahun 2003, dengan nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) kekal melebihi 13% sepanjang tahun sementara kualiti aset bertambah baik. Modal asas sistem perbankan semakin kukuh disebabkan oleh keuntungan yang lebih tinggi dan suntikan modal baru, sementara kualiti aset terus bertambah baik berikutan suasana ekonomi yang memberangsang menghasilkan NPL baru yang lebih rendah serta pemulihan yang kukuh dan pengelasan semula NPL sebagai pinjaman berbayar. Sekiranya nilai cagaran diambil kira, nisbah tahap perlindungan hutang lapuk dan ragu terus kukuh kepada 157.9% berdasarkan klasifikasi 3 bulan dan 163.8% berdasarkan klasifikasi 6 bulan.

Kedudukan Sistem Perbankan[1]

.

	2002	2003*a*
Modal		
Nisbah modal teras (%)	11.1	10.7
RWCR (%)	13.3	13.4
Nisbah NPL bersih (%)		
6 bulan	7.4	6.8
3 bulan	10.1	8.7

[1] Tidak termasuk bank-bank Islam.

a Awalan

Dalam suasana ekonomi yang bertambah baik, keuntungan operasi kasar sistem perbankan meningkat sebanyak 7% kepada RM11.8 bilion pada tahun 2003, didorong terutamanya oleh pendapatan faedah bersih yang lebih tinggi. Bank perdagangan dan syarikat kewangan mencatat peningkatan keuntungan operasi kasar, masing-masing sebanyak 7.7% dan 9.7%, sementara keuntungan kasar bank saudagar berkurangan sebanyak 18.5% disebabkan terutamanya oleh pendapatan faedah bersih yang lebih rendah dan pendapatan yang dijana daripada aktiviti-aktiviti berasaskan fi.

Jumlah peruntukan hutang lapuk dan ragu sistem perbankan menurun sebanyak 4% pada tahun 2003 didorong terutamanya oleh pemulihan yang lebih tinggi, yang meningkat sebanyak 10.1% atau RM384.8 juta. Keadaan ekonomi yang bertambah baik dan penyusunan semula pinjaman yang dilaksanakan beberapa tahun kebelakangan ini mengukuhkan keupayaan peminjam untuk membayar balik pinjaman, seterusnya menyumbang kepada pemulihan yang lebih tinggi. Penurunan peruntukan hutang lapuk dan ragu berserta peningkatan keuntungan operasi kasar meningkatkan keuntungan awalan sebelum cukai yang belum diaudit sebanyak 10.2% kepada RM10.3 bilion pada tahun 2003. Hasilnya, pulangan ke atas ekuiti sistem perbankan meningkat kepada 17.1%, sementara pulangan ke atas aset adalah 1.4%.

Struktur portfolio pinjaman sistem perbankan mengalami perubahan ketara sejak krisis kewangan Asia dari segi bahagian pinjaman bersaiz kecil yang meningkat dengan lebih tinggi dan jenis pelanggan yang lebih pelbagai, akibat tumpuan yang lebih diberikan kepada sektor runcit dan PKS. Ini menyebabkan pengagihan risiko bertambah baik dalam sistem perbankan khasnya, dan sistem kewangan amnya. Secara agregat, jumlah pinjaman di bawah RM1 juta kini mencakupi 60% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan, berbanding 48% semasa tempoh sebelum krisis pada tahun 1996.

Penstrukturan semula sektor kewangan yang bermula sejak krisis Asia pada dasarnya sudah hampir selesai. Selepas pembubaran Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat pada bulan Ogos 2002, satu lagi mercu tanda penting proses penstrukturan semula sektor kewangan adalah penamatan operasi Danamodal Nasional Berhad pada 31 Disember 2003, lima tahun selepas ia ditubuhkan pada tahun 1998. Sepanjang beroperasi, Danamodal menyuntik sebanyak RM7.1 bilion ke dalam 10 buah institusi perbankan yang terjejas akibat krisis kewangan Asia. Danamodal memperoleh semula RM6.1 bilion daripada pelaburan modal ini, sementara baki sebanyak RM1 bilion yang disuntik ke dalam sebuah institusi dijangka akan dilepaskan sepenuhnya pada tahun 2004. Danaharta juga sedang dalam proses untuk menamatkan operasi pada tahun 2005 memandangkan kemajuan ketara yang dicapai dalam operasi pemulihan.

Pengurusan Sistem Perbankan

Usaha untuk meningkatkan kecekapan dan daya saing institusi perbankan dalam negeri terus diperhebat pada tahun ini dengan fokus utama untuk mengembleng sumber manusia dalam sistem perbankan. Satu perkembangan dalam bidang ini adalah penubuhan Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa (ICLIF) oleh Bank Negara Malaysia. Dengan kerjasama institusi pengajian perniagaan yang terkenal di dunia, objektif ICLIF adalah untuk menyediakan pendekatan yang fokus dan terancang untuk melahirkan pemimpin bertaraf dunia dalam sektor kewangan dan perniagaan di Malaysia dan di rantau ini.

Beberapa langkah juga diambil untuk mengekalkan kestabilan kewangan. Untuk mengukuhkan rangka kerja pengawalan, Akta Bank Pusat 1958, Akta Perbankan dan Institusi Kewangan 1989, Akta Perbankan Islam 1983 dan Akta Takaful 1984 telah dipinda pada tahun 2003. Akta Sistem Pembayaran 2003 juga dikuatkuasakan untuk memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia memantau sistem pembayaran.

Untuk memastikan kesemua sektor ekonomi mendapat akses pembiayaan yang cukup dan berterusan, dasar-dasar digubal untuk memudahkan akses kredit dengan membina infrastruktur kewangan bagi memenuhi kehendak pembiayaan kesemua sektor ekonomi terutamanya kepada PKS. Antaranya termasuk langkah-langkah penubuhan Unit Khas PKS di Bank Negara Malaysia bagi membantu PKS dalam proses permohonan pinjaman, penubuhan Jawatankuasa Penyelesaian Hutang Kecil untuk memudahkan penstrukturan semula pinjaman bagi PKS berdaya maju yang mempunyai masalah NPL dan peruntukan tambahan kepada dua Dana Khas bagi PKS. Untuk mengurangkan bebanan kewangan sektor yang terjejas oleh penularan wabak SARS, Bank Negara Malaysia telah menubuhkan Kemudahan Jaminan Bantuan Khas dengan peruntukan sebanyak RM1 bilion dalam bentuk dana jaminan yang disediakan oleh Credit Guarantee Corporation. Institusi perbankan juga diminta merumuskan skim penjadualan semula atau penstrukturan semula yang sesuai untuk mengurangkan bebanan kewangan peminjam yang perniagaan dan aliran tunainya terjejas akibat SARS.

Rangka kerja pendidikan pengguna dan perlindungan terus diperkukuhkan pada tahun 2003. Usaha dalam bidang ini bertujuan menyediakan asas untuk menjadikan persekitaran yang lebih berdaya saing dengan pelanggan bank dapat membuat keputusan yang wajar.

Kemajuan terus dicapai dalam pelaksanaan saranan Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK). Dalam tiga tahun pertama pelaksanaan PISK, sejumlah 31 daripada 119 saranan telah dilaksanakan sepenuhnya, dengan tambahan sebanyak 20 saranan sedang dilaksanakan secara berterusan. Usaha yang telah diambil dalam fasa awal

pelaksanaan tertumpu terutamanya pada peningkatan keberkesanan dan daya saing institusi kewangan dalam negeri, pengukuhan rangka kerja pengawalan dan penyeliaan, penggalakan sistem pembayaran yang selamat dan cekap serta pembangunan rangka kerja pendidikan pengguna dan perlindungan.

Sistem Perbankan Islam

Berlatarbelakangkan kekukuhan ekonomi dan kekuatan asas-asas makroekonomi, industri perbankan Islam terus berkembang dengan kukuh pada tahun ini. Ia mencakupi 9.7% daripada jumlah aset sistem perbankan (8.9% pada tahun 2002), 10.4% daripada jumlah deposit (10.2% pada tahun 2002) dan 10.3% daripada jumlah pembiayaan (8.1% pada tahun 2002). Peningkatan prestasi diperlihatkan oleh kekukuhan paras permodalan hasil daripada peningkatan modal dan keuntungan di samping peningkatan aktiviti pembiayaan dengan pertumbuhan yang ketara dalam pembiayaan pembelian kenderaan dan perumahan. Di samping itu, kualiti aset terus bertambah baik dengan trend menurun dalam nisbah pembiayaan bersih tidak berbayar dan peningkatan dalam peruntukan rugi pembiayaan.



Teras dasar kewangan Islam pada tahun 2003 terus tertumpu pada pengukuhan asas yang mendukung sistem perbankan Islam supaya industri ini dapat berkembang dengan mantap dan progresif. Fokus dasar adalah menjurus ke arah memperkukuhkan infrastruktur kewangan institusi, mempertingkatkan rangka kerja pengawalan, memperkukuhkan infrastruktur Shariah dan perundangan serta mempertingkatkan pembangunan sumber intelektual dan pendidikan pengguna. Pada tahun 2003, Bank Negara Malaysia mempercepatkan liberalisasi dalam perbankan Islam dengan membenarkan penubuhan tiga bank Islam asing yang beroperasi sepenuhnya di Malaysia.

Institusi Kewangan Pembangunan

Aktiviti pembiayaan Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) meningkat pada tahun 2003, sejajar dengan keseluruhan pertumbuhan ekonomi. IKP menyediakan pembiayaan kepada sektor dan subsektor ekonomi yang strategik. Jumlah pinjaman IKP meningkat pada kadar tahunan sebanyak 10.5% atau RM3.1 bilion (2002 : 20.2% atau RM5.0 bilion) kepada RM32.5 bilion pada akhir tahun 2003, didorong oleh pinjaman kepada sektor infrastruktur dan pembiayaan runcit. Jumlah perlindungan insurans dan jaminan yang disediakan oleh IKP meningkat sebanyak 14.1% kepada RM3.8 bilion pada akhir tahun 2003.

Dasar-dasar pada tahun ini terus menjurus pada pembinaan kapasiti dan peningkatan rangka kerja pengawalan. Bagi memastikan IKP melaksanakan mandatnya secara cekap dan berkesan dalam ekonomi, beberapa langkah tertentu dikenal pasti untuk meningkatkan mutu pembiayaan dan operasi. Untuk terus mempertingkatkan peranan IKP sebagai institusi khusus, usaha mempertingkatkan kapasiti khidmat perundingan IKP kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) telah dijalankan pada tahun 2003. Di samping itu, dasar keperluan modal minimum telah diperkenalkan untuk memastikan IKP mempunyai kapasiti kewangan bagi menyokong operasi mereka.

Memandangkan sebilangan IKP mempunyai rangkaian operasi yang meluas, skim kredit mikro yang diumumkan oleh Kerajaan sebagai sebahagian daripada Pakej Ekonomi dilancarkan dan dilaksanakan oleh IKP ini. Objektif program ini adalah untuk memanfaatkan sepenuhnya potensi perniagaan kecil yang besar jumlahnya bagi menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dalam negeri.

Prospek Ekonomi Malaysia pada tahun 2004

Prospek ekonomi global semakin optimistik ekoran pemulihan yang kukuh pada separuh kedua tahun 2003. Bagi tahun 2004, pertumbuhan ekonomi global dijangka meningkat pada kadar yang lebih cepat sebanyak 4.1% (2003: 3.2%), sementara perdagangan dunia dijangka meningkat antara 5%-6% (2003: 3.5%-4.5%). Pertumbuhan negara industri utama sebagai satu kumpulan dianggarkan sebanyak 2.9% (2003: 2.2%).

Pada tahun 2004, pertumbuhan KDNK benar Ekonomi Perindustrian Baru Asia (NIE Asia) secara kumpulan dijangka meningkat dengan cepat pada kadar 5%-5.2%, disokong oleh prestasi eksport yang memberangsang dan peningkatan permintaan dalam negeri. Ekonomi ASEAN keseluruhannya dijangka berkembang pada kadar yang lebih cepat antara 4.9%-6% pada tahun 2004 dengan sumbangan yang tinggi daripada sektor dalam dan luar negeri. Peningkatan dalam perdagangan serantau Asia Timur (tidak termasuk Jepun) dan peranan penting Republik Rakyat China yang mendorong pertumbuhan eksport serantau menunjukkan kekukuhan prospek pertumbuhan bagi ekonomi China pada tahun 2004 akan memberi manfaat kepada keseluruhan kawasan serantau.

Ekonomi Malaysia dijangka bertambah kukuh pada tahun 2004, berdasarkan andaian kekukuhan pertumbuhan ekonomi global, pemulihan dalam kitaran elektronik global, harga minyak sawit mentah dan minyak mentah yang kukuh di samping peningkatan perdagangan serantau yang berterusan. KDNK benar dijangka berkembang antara 6%-6.5%, didorong oleh kekukuhan ekonomi dalam negeri dan

diperkukuhkan oleh permintaan luar yang memberangsang. Pertumbuhan didorong oleh sektor swasta sementara sektor awam akan kukuh secara beransur-ansur. Peningkatan keyakinan pengguna dan peniaga sejak suku kedua tahun 2003, kekukuhan asas-asas ekonomi dan kesan positif langkah-langkah monetari dan fiskal yang menyokong pertumbuhan dijangka saling memperkukuhkan perbelanjaan pengguna yang mantap dan peningkatan dalam aktiviti pelaburan swasta.

Pertumbuhan dijangka disokong oleh kekukuhan prestasi dalam hampir kesemua sektor. Nilai ditambah dalam sektor perkilangan diramal terus meningkat kepada 10.2% pada tahun 2004 (2003: 8.2%), disokong oleh peningkatan dalam industri elektronik global dan peningkatan permintaan dalam negeri. Sektor perkhidmatan dijangka berkembang dengan lebih cepat pada kadar 5.2% mencerminkan peningkatan yang lebih tinggi bagi kebanyakan subsektor. Pertumbuhan juga disokong oleh aktiviti berkaitan perdagangan yang lebih tinggi peningkatan dalam ketibaan pelancong dan perbelanjaan pengguna yang bertambah baik. Sektor perkhidmatan akan disokong oleh pengembangan yang lebih cepat dalam bidang pertumbuhan baru seperti industri perkhidmatan perkongsian, iaitu pusat panggilan, pusat data, pusat operasi, pusat pengagihan serantau dan pusat perolehan antarabangsa di samping perkhidmatan khusus ICT.

Sektor pertanian diramal berkembang pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 2.6% pada tahun 2004, dengan pertumbuhan komoditi utama khususnya minyak sawit dan getah yang dijangka menyederhana berikutan pertumbuhan dua angka pada tahun 2003. Pertumbuhan dalam sektor perlombongan dijangka bertambah kukuh kepada 5.5% pada tahun 2004 didorong oleh peningkatan pengeluaran gas. Pertumbuhan dalam sektor pembinaan dijangka meningkat pada kadar yang sederhana sebanyak 1.5% disebabkan oleh kekurangan aktiviti subsektor kejuruteraan awam dalam sektor Kerajaan dan swasta. Walau bagaimanapun, aktiviti dalam subsektor perumahan dijangka terus kukuh berikutan pertambahan perumahan baru yang bermula pada sembilan bulan pertama 2003, penerusan kerja pembinaan yang sedang dilaksanakan dan juga permintaan yang memberangsang bagi harta tanah perumahan,

didorong oleh insentif yang diberi di bawah Pakej Ekonomi sehingga separuh pertama tahun 2004.

Asas ekonomi Malaysia dijangka terus kukuh pada tahun 2004. Inflasi adalah rendah pada kadar 1.5% sementara pasaran guna tenaga dijangka meningkat.

Imbangan pembayaran dijangka terus kukuh pada tahun 2004 dengan kekukuhan dalam lebihan akaun semasa. Ini mencerminkan lebihan yang lebih besar dalam perdagangan yang berterusan dan pengukuhan dalam akaun semasa. Walaupun pertumbuhan import diramal meningkat, lebihan akaun semasa dijangka terus besar mencakupi 12.7% daripada KNK disebabkan oleh kekukuhan pertumbuhan eksport, disokong oleh peningkatan sistemik permintaan global. Aliran masuk FDI dalam sektor perkilangan dijangka meningkat terutamanya dalam bentuk pelaburan semula oleh syarikat multinasional untuk pengembangan kapasiti. Sektor perkhidmatan dijangka terus menjadi penerima utama aliran masuk FDI yang baru terutamanya dalam bidang seperti logistik, perkhidmatan pengagihan dan perkhidmatan perkilangan disebabkan oleh hubungan yang kukuh antara pertumbuhan dalam sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan. Pelaburan luar negeri Malaysia dijangka terus ketara berikutan usaha syarikat mempelbagaikan dan menyediakan hubungan yang lebih mantap dalam operasi mereka di Malaysia. Pelaburan Malaysia di luar negeri terus menunjukkan hasil yang positif. Pada tahun 2003, keuntungan dan dividen yang terakru kepada syarikat Malaysia hasil daripada pelaburan luar negeri meningkat kepada RM2 bilion (2002: RM0.7 bilion).

Ekonomi, Monetari dan Pengurusan Kewangan pada tahun 2004

Fokus dasar pada tahun 2004 adalah untuk menyokong momentum pertumbuhan ekonomi dan mempertingkatkan daya saing jangka panjang dan daya tahan ekonomi Malaysia. Dalam suasana ekonomi yang bertambah baik dan keyakinan peniaga dan pengguna yang pulih semula, Bajet 2004 menjurus kepada memudahkan sektor swasta memainkan peranan sebagai enjin pertumbuhan, di samping berusaha

menurunkan perbelanjaan secara beransur-ansur sejajar dengan objektif konsolidasi fiskal.

Dalam kajian semula Bajet 2004 baru-baru ini, defisit fiskal pada tahun 2004 dijangka sebanyak 4.5% daripada KDNK, berbanding sebanyak 5.3% yang dicatat pada tahun 2003. Sementara tahap pengurangan defisit adalah secara beransur-ansur, objektif konsolidasi fiskal masih sama. Berikutan kecukupan mudah tunai dalam sistem kewangan, kebanyakan pembiayaan akan terus diperoleh daripada pasaran dalam negeri tanpa risiko menghimpit keluar pembiayaan sektor swasta.

Meskipun permintaan agregat luar negeri dan dalam negeri meningkat, kewujudan lebihan kapasiti dan pengembangan kapasiti yang berterusan membolehkan peningkatan permintaan dan pengeluaran dipenuhi tanpa menyebabkan tekanan ke atas penawaran dan harga. Keadaan inflasi yang terus rendah memberi fleksibiliti kepada dasar monetari pada tahun 2004 untuk terus menyokong aktiviti ekonomi bagi mendorong momentum pertumbuhan. Dengan kitaran pelaburan berada pada tahap awal, persekitaran kadar faedah yang rendah kekal penting untuk memperkukuhkan pengembangan yang diterajui sektor swasta di samping menyediakan fleksibiliti kepada konsolidasi fiskal dan pengukuhan pertumbuhan. Yang paling penting, dasar monetari akan tertumpu pada pengukuhan keberkesanan aliran kredit ke sektor yang produktif dalam ekonomi Malaysia.

Sebagai sebahagian daripada usaha yang berterusan untuk menyediakan maklumat yang komprehensif kepada masyarakat umum mengenai dasar-dasar Bank Negara Malaysia, Pernyataan Dasar Monetari (PDM) akan terus diterbitkan pada setiap suku tahunan bersama dengan pengumuman data KDNK. Pertama kali dikeluarkan pada bulan Ogos 2003, PDM bertujuan menyumbang ke arah kestabilan dan keberkesanan dalam pasaran kewangan dengan memberikan pernyataan mengenai dasar Bank Negara Malaysia, dengan itu memaksimumkan kesan terhadap tindakan dasar monetari.

Teras dasar sektor kewangan pada tahun 2004 akan terus memberi fokus kepada pembinaan kapasiti institusi perbankan dalam negeri, meningkatkan daya tahan dan kestabilan sektor kewangan dan memastikan kesemua sektor ekonomi mempunyai akses mencukupi untuk pembiayaan. Perhatian juga ditumpukan pada pengukuhan rangka kerja bagi perlindungan pengguna dan penggalakan kesedaran pengguna mengenai produk dan perkhidmatan perbankan dan insurans. Pelaksanaan tanda aras semasa akan terus diperkukuh sebagai satu cara untuk terus meningkatkan prestasi dan kualiti perkhidmatan dalam institusi perbankan dan syarikat insurans. Beberapa bank perdagangan dalam negeri dijangka bergabung dengan syarikat kewangan berikutan pindaan Akta Institusi Perbankan dan Kewangan 1989 yang membenarkan penggabungan. Rangka kerja penubuhan bank pelaburan juga dijangka selesai pada tahun 2004.

Inisiatif untuk memperkukuhkan kapasiti institusi perbankan dalam negeri akan disokong oleh peningkatan kepada pengawalan berhemat dan insfrastruktur pengawasan. Dengan sektor perbankan kekal sebagai sumber utama pembiayaan kepada ekonomi, inisiatif akan diambil untuk terus meningkatkan akses pembiayaan kepada semua segmen ekonomi terutamanya PKS. Inisiatif untuk menggalakkan aktivisme kepenggunaan dan meningkatkan rangka kerja perlindungan pengguna terus menjadi keutamaan. Biro Pengantaraan Kewangan (BPK) akan ditubuhkan sebagai pusat sehenti bagi menyediakan saluran kepada pengguna untuk mengenengahkan masalah undang-undang kepada kesemua institusi kewangan di bawah penyeliaan Bank Negara Malaysia dan operator sistem pembayaran. Rangka kerja akan diperkenalkan pada tahun ini untuk meningkatkan tahap ketelusan dan pendedahan ke atas semua produk kewangan runcit yang ditawarkan oleh institusi perbankan bagi memudahkan keputusan yang dibuat oleh pelanggan dengan lebih berkesan dan berdasarkan maklumat yang terbaik. Undang-undang untuk memperkenalkan sistem deposit insurans akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2004.

Pada tahun 2003, Bank Negara Malaysia melaksanakan beberapa pembaharuan untuk membaiki sistem RENTAS (sistem pembayaran utama bagi sistem kewangan di

Malaysia) dan mempromosi penggunaan sistem dan instrumen pembayaran elektronik. Sejajar dengan perubahan landskap, institusi kewangan telah mula beralih kepada kad berasaskan cip dan melaksanakan beberapa inisiatif lain, meliputi penubuhan Bursa Pemprosesan Kewangan, platform pembayaran internet pelbagai bank serta pembaharuan seterusnya kemudahan Perbankan Internet.

Bank Negara Malaysia akan terus memastikan keselamatan dan kecekapan sistem pembayaran dan instrumen dalam negera, dan masyarakat awam terus yakin dengan penggunaan instrumen pembayaran. Bank Negara Malaysia juga memberi galakan kepada pengguna melalui program pendidikan pengguna tentang penggunaan sistem pembayaran elektronik dan produk yang semakin meluas sejajar dengan matlamat ke arah penggunaan pembayaran secara elektronik yang lebih meluas.

Dalam sektor perbankan Islam, dasar pada tahun 2004 akan memberi fokus kepada mengukuhkan infrastruktur kewangan, meningkatkan rangka kerja pengawalan, mengukuhkan infrastruktur Shariah dan undang-undang, di samping meningkatkan perkembangan modal intelektual dan kesedaran pengguna. Sejajar dengan perkembangan infrastruktur kewangan, struktur institusi perbankan yang menyertai Skim Perbankan Islam akan diperkukuh dengan menyediakan pengawalan yang berkesan bagi operasi perbankan Islam berdasarkan ciri yang unik. Landskap perbankan Islam turut berubah dengan pengeluaran sebanyak tiga lesen bank Islam kepada institusi kewangan asing pada tahun 2004.

Langkah-langkah untuk mengukuhkan infrastruktur Shariah dan undang-undang termasuk memperkenalkan Peraturan-peraturan ke atas Jawatankuasa Shariah bagi bank-bank Islam, membangunkan mekanisme timbang tara bagi kes perbankan dan kewangan Islam, kajian semula Akta Bank Islam 1983 (ABI) untuk meningkatkan rangka kerja undang-undang bagi operasi bank Islam dan menyelesaikan isu cukai bagi bank dan kewangan di bawah Jawatankuasa Kajian Semula Undang-undang selaras dengan pengenaan cukai neutral antara produk kewangan Islam dan produk kewangan konvensional. Standard pengawalan berhemat akan diperhalusi untuk merangkumi

sifat-sifat khusus perbankan Islam sementara kedalaman pasaran akan ditingkatkan melalui pengenalan mekanisme pembiayaan kadar boleh ubah, pelaksanaan rangka kerja Mudharabah dan Musyarakah serta pembentukan kadar rujukan Islam.

Bagi IKP, teras dasar akan berpandukan hala tuju strategik yang terdapat dalam Pelan Induk Sektor Kewangan. Pada tahun 2004, penekanan akan diberi ke arah memastikan IKP terus komited dan fokus kepada peranan yang dimandatkan serta meningkatkan tindak balas IKP terhadap keperluan perkembangan sektor utama yang dikenal pasti, termasuk PKS. Inisiatif semasa untuk meningkatkan keupayaan dan kapasiti IKP dalam penyediaan khidmat nasihat kepada pelanggan akan diteruskan pada tahun 2004 disokong oleh inisiatif untuk memperkukuhkan amalan pengurusan risiko oleh IKP.

Sebagai sebahagian daripada usaha meningkatkan kecekapan operasi sistem kewangan dalam bidang aliran modal merentasi sempadan, peraturan pengurusan pertukaran wang asing akan terus dilonggarkan pada tahun 2004 dengan tujuan meningkatkan sistem penghantaran bagi memastikan kecekapan yang lebih tinggi dalam sistem kewangan. Di samping itu, langkah-langkah untuk mendalamkan pasaran modal dalam negeri, entiti asing terpilih akan dibenarkan untuk mengeluarkan bon ringgit di Malaysia dan melindung nilai kesan risiko kadar pertukaran mata wang asing dengan bank pesisir. Keperluan laporan daripada pengeksport akan dipermudah bagi mempromosi kecekapan, sementara bagi pengurusan risiko, pemastautin akan mendapat peluang mengguna instrumen lindung nilai dengan lebih luas. Pada masa yang sama, had semalaman akaun mata wang asing akan dikaji semula. Bagi memudahkan pengurusan dana dan mempelbagaikan risiko, institusi pemastautin dan individu akan dibenarkan melabur ke luar negeri dengan lebih luas.

Akaun Tahunan Bank Negara Malaysia yang Diaudit bagi tahun 2003

Kedudukan akaun Bank Negara Malaysia bagi tahun 2003 telah diperiksa dan disahkan oleh Ketua Audit Negara. Jumlah aset Bank Negara Malaysia meningkat kepada RM200.8 bilion pada akhir tahun 2003 (RM162.2 bilion pada akhir tahun 2002). Peningkatan utama aset adalah disebabkan peningkatan dalam rizab antarabangsa. Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia meningkat kepada RM170.5 bilion (AS$44.9 bilion) pada akhir tahun 2003. Bank Negara Malaysia memperoleh keuntungan bersih sebanyak RM1.5 bilion pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003 dan mengisytiharkan dividen sebanyak RM1 bilion kepada Kerajaan pada tahun 2003.

Bank Negara Malaysia
26 Mac 2004